

# Qalam

---

Bilangan 82   Syawal 1376   Mei 1957   70 Sen

---

*Allāhuakbar, Allāhuakbar, Allāhuakbar, Walillāhil ḥamd!*

Alhamdulillah dengan taufik dan hidayah Tuhan pada hari ini masuklah Qalam pada tahunnya yang ketujuh dengan bantuan saudara-saudara *Ikhwān al-Muslimīn* umumnya. Kepada pembaca-pembaca yang menyintai Qalam khususnya dan *Ikhwān al-Muslimīn* umumnya kami ucapkan terima kasih sambil mengucapkan *min al-‘āidīn al-fāizīn al-maqbūlīn kullu ‘ām wa antum bikhayr:*

*Allāhuakbar, Allāhuakbar, Allāhuakbar!*

Dengan masuknya Qalam ketahunnya yang ketujuh ini, kami mulai pula memasukkan ke dalamnya ruangan khas untuk wanita-wanita, untuk Muslimat mudah-mudahan kami dapat memandu mereka itu kepada jalan Allah, kepada jalan yang diredhai Tuhan supaya mereka itu tahu tanggungjawabnya kepada masyarakat. Mudah-mudahan Allah memberi taufik dan hidayah kepada mereka bersama, dapat kiranya kita memandu ibu-ibu kita itu kepada jalan yang diredhai Tuhan, kepada jalan *Ṣirāṭ al-Mustaqīm* – jalan penyudah yang kekal abadi.

*Allāhuakbar, Allāhuakbar, Allāhuakbar!*

Sekian lamanya kita berjalan, sekian lamanya masa yang kita lalui kita melihat keadaan kaum ibu kita, terutama Muslimat, banyak menanggung penderitaan zahir dan batin menghadapi segala pancaroba, dan kerana tidak cukup keyakinan banyak di antara mereka itu yang telah terpaksa mengorbankan dirinya, maruah dan tarafnya

kerana mengikut kemahuan hawa nafsunya disebabkan oleh masyarakat dan di sekeliling kita tidak ada peringatan-peringatan yang diberi, tidak ada majalah-majalah atau surat khabar khususnya Muslimin yang mengingatkan mereka itu supaya jangan mudah terceburlah kepada malapetaka yang besar.

*Allāhuakbar, Allāhuakbar, Allāhuakbar!*

*Ikhwān al-Muslimīn* di dalam hari baik ini marilah kita tafakkur sejenak memikirkan tanggungjawab kita kepada Muslimat kita, memikirkan penderitaan mereka, memikirkan bagaimana mereka terbiar, memikirkan bagaimana mereka tidak mendapat perhatian yang sewajarnya untuk menegakkan kesucian rohani mereka di dalam pengajaran-pengajaran yang diredhai Tuhan. Kita semua *Ikhwān al-Muslimīn* mengetahui bahawa di tangan ibu itulah terletaknya kesempurnaan agama anak-anaknya, di tangan ibu-ibu itulah timbulnya mujahid-mujahid yang berani menumpahkan darahnya, berani mengorbankan kesenangannya, berani mengorbankan apa saja yang ada padanya untuk menegakkan cita-cita meninggikan kalimah Tuhan lebih daripada yang lain-lainnya. Kita mengetahui bahawa dengan mengutamakan mereka itu besar ertinya kepada pendidikan batin supaya anak-anak kita itu tidak mudah terceburlah, tidak mudah dipesongkan oleh anasir-anasir yang berbahaya di sekeliling kita.

*Allāhuakbar, Allāhuakbar, Allāhuakbar!*

Oleh sebab itu marilah kita bersama-sama, bersama memerhatikan segala hal yang berkaitan dengan mereka itu. Kerana kalau mereka dibiarkan tidak mendapat didikan, bermakna keimanan, ketauhidan anak-anak kita akan luntur, akan binasa: sebagai buktinya sekarang banyak daripada anak-anak kita orang Islam yang telah berjiwa Atheis, yang berjiwa anti-Islam dan menjadi musuh-musuh Islam sendiri di dalam masyarakat Islam.

Oleh sebab itu marilah kita *Ikhwān al-Muslimīn* bersama-sama menghulurkan tangan kita, sama-sama memerhatikan mulai dari sekarang keadaan mereka itu supaya tidak terbiar. Marilah kita sambil berhari raya ini menegaskan tekad untuk bekerja menghidupkan mereka itu, menghidupkan roh mereka supaya menjadi Muslimat yang sebenar-benarnya yang ketawa melihat anak-anaknya menjadi shuhada untuk menegaskan kalimah Tuhannya. Mudah-mudahan Tuhan memberi taufik kepada kita bersama supaya dapat menyampaikan cita-cita itu amin – *min al-‘aidīn al-fāizīn al-maqbūlīn*.

### **Khutbah Jumaat**

Pada 19.4.1957 Cif Kadi Singapura Tuan Haji Ali, yang menjadi “Khatib kekal”, Masjid Sultan, Singapura telah membuat suatu khutbah menyambut pendapat dan anjuran daripada Qalam supaya diadakan muzakarah di antara Tuan Haji Ali dengan Tuan Hasan bin Ahmad, pengarang *Risālah al-Madhāhib*, yang telah dibidasnya juga dalam khutbahnya, beberapa lama dahulu di Masjid Sultan.

Di dalam khutbah Jumaatnya itu ia nampaknya menjadikan khutbah itu sebagai satu tempat menjawab sesuatu ulasan atau pendapat orang lain yang mengenai sahsiah iaitu yang membidas pendapatnya yang sepatutnya menurut pendapat dan pengertian orang-orang yang memuliakan agama Islam, bukanlah khutbah Jumaat itu dijadikan tempat untuk membela diri tetapi kalau ia mahu membela diri hendaklah ia menulis satu rencana, menurut peraturan yang biasa, kepada majalah tempat terbitnya pendapat-pendapat itu, atau pun membuat risalah khas baginya.

Kemuliaan khutbah Jumaat itu sudah terang, menurut hukum Islam, ialah salah satu sahnya sembahyang Jumaat (sebahagian daripada fardhu Jumaat itu) lazimnya digunakan untuk memberi wasiat am pada jalan Tuhan bukannya untuk membela diri atau menyerang sesuatu

golongan seperti golongan yang bertentangan dengan pendapat dan fikiran Tuan Haji Ali sendiri. Sekian lamanya kita mengetahui bahawa orang am mendiamkan diri sahaja terhadap langkah-langkah Tuan Haji Ali yang dikatakan oleh mereka “memonopoli” Masjid Sultan itu dengan pula selalu mendatangkan bidasan kepada orang-orang atau golongan-golongan yang tidak diperkenannya, yang menjadi sebab bahawa seolah-olahnya khutbah Jumaat itu ditambahnya satu rukun yang lain iaitu tempatnya bagi menjawab bidasan yang mengenai dirinya sendiri – dan kalau pengertian ini benar (menambah rukun) maka Jumaat yang termasuk perkara tersebut tidak sah.

Kita memang mengetahui bahawa perselisihan pendapat dan pengertian di dalam Islam telah berjalan berzaman-zaman, kerana itulah dari dahulu hingga sekarang tidak berhenti-hentinya diadakan muzakarah di antara ulama-ulama Islam bukannya dengan sentimen tetapi dengan tujuan hendak mencari kebenaran. Sebab kebenaran yang demikian itulah dari satu ke satu masa harus perkara-perkara yang dipandang tidak benar di dalam Islam akan hapus walaupun telah dipegang beribu-ribu tahun oleh sebahagiannya dengan bersama mengadakan penyelidikan dan pengertian di dalam perkara-perkara itu.

Kami berasa hairan mengapa Tuan Haji Ali di dalam penutup khutbahnya itu dikatakan telah berkata “sekadar ini sahaja yang saya dapat tulis di sini.” Ini bermakna bahawa khutbah yang dibuat oleh Tuan Haji Ali pada hari Jumaat yang tersebut bukan khutbah untuk berwasiat tetapi khutbah untuk mempertahankan diri yang sepatutnya tulisannya itu dihantar keluar yakni di dalam akhbar atau di dalam tempat di mana risalah itu tersiar supaya kehormatan (disiplin) dan kemuliaan khutbah tidak melanggar rukunnya yang lima yang telah ditetapkan dan dipersetujukan oleh Islam – kalau sekiranya Tuan Haji Ali

sambungannya di muka 52